

AL-QURĀN AL-KARĪM PUSAT KEBUDAYAAN DUNIA

Sejarah Nuzul Al-Quran

Hari pertama turun al-Quran dan tempatnya:

Al-Quran mulai diturunkan kepada Nabi (SAW) ketika Nabi sedang berkhalwat di Gua Hīrā', pada malam Isnin (*) bertepatan dengan tujuh belas Ramadan (**), tahun 41 dari kezhahiran Nabi Muḥammad (SAW) (6 Ogos 610).

Sesuai dengan kemuliaan dan al-Quran, Allah jadikan malam permulaan turun al-Quran itu, malam ((Laylah al-Qadar)), malam yang tinggi qadarnya. Hal ini diakui oleh al-Quran sendiri. Takda perbantahan faham alim ulama dalam menetapkan bahawa malam mulai al-Quran diturunkan ialah pada bulan Ramadan. Keterangan ini ditegaskan oleh al-Quran sendiri. Semua ulama bermuafakat menetapkan yang demikian. Hanya mereka berlainan faham tentang ketentuan tarikhnya.

Ibn Ishāq, seorang ahli tarikh Islam yang terkenal, menetapkan bahawa malam itu ialah malam tujuh belas Ramaḍan. Penetapan ini dikuatkan dengan isyarat al-Quran sendiri:

In kuntum āmantum bi Allāhi wa mā anzalnā 'alā 'abdinā yawma

al-furqāni yawma iltaqā al-jam'ān. (jika kamu telah beriman dengan Allah dan dengan yang kami telah turunkan kepada hamba kami pada hari al-Furqān, hari bertemu dua

*) Ini ditunjukki sendiri oleh hadis. Kerana itu

ittifāqlah segala ulama.

**) Ibn 'Abdu al-Bar dan al-Mas'ūdī menetapkan: 8 hari bulan

Rabī'u al-Awwal.

pasukan) (41, al-Anfāl).

Yang dikehendaki dengan ((hari bertemu dua pasukan)) ialah hari bertemu tentera Islam dengan tentera Quraisy musyrikin dalam pertempuran Badar. Yang demikian itu tepat jatuhnya pada 17 Ramadan hari Jumaat, tahun yang kedua Hijrah. Dan ((Hari Furqān)) ialah hari permulaan diturunkan al-Quran. Maka kedua hari tersebut bersatu sifatnya, yakni sama-sama jatuh pada hari Jumaat tujuh belas Ramadan, walaupun tidak dalam satu tahun.

Al-Ṭabarī dalam tafsirnya meriwayatkan dari al-Ḥasan ibn 'Ālī, ujarnya: ((Malam al-Furqān itu ialah hari pertemuan dua pasukan tentera, iaitu pada 17 Ramadan.))

Al-Qaṣṭalānī dalam Sharah al-Bukhārī telah menghuraikan pendapat-pendapat ulama mengenai soal ini. Di antaranya pendapat yang dipakai oleh Ibn Ishāq. Menurut pendapat al-Qaṣṭalānī, pendapat itu diriwayatkan oleh Ibn Abī Shaybah dan al-Ṭabrānī dari Zayd ibn al-Arqām. Seterusnya al-Qaṣṭalānī menetapkan, bahawa beliau cenderung kepada pendapat itu kerana mengingat bahawa tidak patut kiranya al-Quran tidak menentukan malam tersebut (malam turun permulaan al-Quran yang membawa perubahan sejarah dunia). Sekurang-kurangnya harus diterangkan dengan jalan isyarat.

Zayd ibn Thābit seorang sahabat Nabi yang cekap

dalam soal al-Quran, ia juga menetapkan bahawa malam 17 Ramadhan itu, malam ((Laylah al-Qadar)), kerana pada malam itulah permulaan al-Quran diturunkan. Oleh itu, Zaid ibn Thābit tetap mencari malam Laylah al-Qadar pada malam tersebut. (Setengah ulama mengatakan Laylah al-Qadar jatuhnya pada malam 24 Ramadan dan setengahnya mengatakan pada malam 27).

Pengarang ((Hujjat Allāh al-Bālighah)) juga menetapkan bahawa Laylah al-Qadar yang diturunkan al-Quran di dalamnya, bukan Laylah al-Qadar yang disuruh kita mencarinya dalam likur yang akhir dari bulan Ramadhan. Dan sifat kedua malam Laylah al-Qadar itu tidak sama.

17 Ramadan tahun 41 dari kezahiran Nabi Muḥammad (SAW) bersamaan dengan enam Ogos 610 M.

Bagi menyelami betapa perhubungan Nabi dengan wahyu dan betapa kenyataannya, dan kelakuan-kelakuannya, baiklah kita perhatikan riwayat yang di bawah ini.

Pertama: Hadis Bukhari dari ‘Ā’ishah *radiya Allāhu ‘anhā*:

Permulaan wahyu yang dihadapi Rasulullah, ialah mimpi yang benar. Beliau tiada mimpikan sesuatu mimpi, melainkan datangnya ia sebagai sinaran subuh. Sesudah itu ia mulai gemar berkhalwat. Ia berkhalwat di Gua Hīrā’ lalu beribadat beberapa malam, sebelum ia kembali kepada keluarganya untuk mengambil bekal baharu. Sesudah beberapa malam ia duduk dalam Gua Hīrā’, ia kembali kepada Khadījah sekadar mengambil makanan untuk beberapa hari pula. Demikian ia melakukan sehingga datang hak (kebenaran) kepadanya, dalam masa ia sedang berkhalwat itu. Maka datang kepadanya Jibril lalu berkata: *Iqrā’* _ baca (akan ini). Nabi menjawab: Saya tidak pandai

membaca. Nabi menerangkan: mendengar jawabku itu, malaikat (Jibril) pun memeluk sehingga terasa letih dari kerana kuat peluknya itu. Kemudian dilepaskan serta disuruh membaca lagi. Nabi menjawab: saya tak pandai membaca. Malaikat (Jibril) pun memelukku lagi sehingga aku letih. Kemudian dilepaskan pula seraya menyuruh membaca. Saya jawab seperti pada mulanya juga. Malaikat (Jibril) memelukku. Sesudah itu baharulah malaikat (Jibril) berkata: ((*Iqra’ bismi rabbika al-ladhī khalaq. Khalaqa al-insāna min ‘alaq. Iqra’ wa rabbuka al-akramu al-ladhī ‘allama bi al-qalam. ‘Allama al-insāna mā lam ya ‘lam*)). Sesudah itu Rasulullah segera kembali ke rumah dengan hati yang gementar ketakutan. Nabi menjumpai Khadījah dan berkata: Selimutkan daku, selimutkan daku! Sesudah tenang perasaan baginda, baginda pun menerangkan kepada Khadījah apa yang telah jadi, seraya berkata: Aku sangat khawatir mengenai diriku ini. Lalu disahut oleh Khadījah, katanya: *Kalā, wallāhi mā yukhzhika Allāhu abadan; innaka lataṣilu al-rahmi, wa taḥmalu al-kulli, wa taksibu al-ma’dūm, wa tuqarrī al-dayf, wa tu’in ‘alā nawā’ib al-ḥaq.* ((Tidak sekali-kali tidak, demi Allah, Allah tiada mengabaikan engkau sekali-kali. Engkau seorang yang selalu menghubungi silaturrahim, memikul beban orang, memberikan bantuan kepada orang datang, dan memberikan bantuan-bantuan terhadap bencana-bencana yang menimpa manusia.)) Sesudah itu Khadījah pergi beserta Nabi kepada Waraqah ibn Nawfal sepupu Khadījah yang telah lama memeluk agama Nasrani dan pandai menulis dalam tulisan ‘Ibrānī dia seorang yang sangat tua dan telah buta matanya. Khadījah berkata kepadanya: Wahai anak bapa saudara, dengarlah apa yang diceritakan oleh anak saudara mu ini. Waraqah bertanya: Wahai anak saudara

ku, apakah gerangan yang menimpa mu? Maka Rasul (SAW) pun menerangkan apa yang telah dilihat dan dialaminya. Mendengarkan itu Waraqah berkata inilah Nāmūs (Jibril) yang Allah turunkan kepada Musa. Wahai, alangkah baiknya, kalau aku masa itu (masa Nabi Muḥammad memulai seruan Islam yang dianjurkannya) masih muda kuat! Wahai, mudah-mudahan kiranya masa itu aku masih hidup, yakni masa engkau diusir oleh kaum engkau. Maka Rasulullah bertanya, adakah mereka akan mengusirku? Waraqah menjawab: ((Ya, benar. Tiada seseorang lelaki yang membawa seperti yang engkau bawa, melainkan dimusuhi. Jika aku hidup hingga saat itu, aku akan menolongmu dengan sungguh-sungguhnya.)) Kemudian Waraqah pun meninggal dunia wahyu pun terhenti.))

Kedua: Hadis yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarī dari ‘Abdullāh ibn al-Zubayr, ujarinya: Rasulullah (SAW) bersabda (maksudnya): maka datanglah kepadaku (Jibril), sedang aku masa itu tidur, membawa sehelai *namaṭ* (kain berun) dari sutera, padanya ada tulis (surat) serta berkata: ((*Iqrā’*)), maka aku menerangkan bahawa aku tak dapat membaca. Kerana itu aku pun dipeluk mati. Kemudian dia lepaskan seraya berkata pula: ((*Iqrā’*)) (Bacalah). Aku menjawab: Apa yang akan aku bacakan? Aku mengatakan demikian, hanya supaya jangan dia balik semula memeluk aku kuat-kuat sebagai yang sudah. Dia berkata: Bacalah: *Iqrā’ bismi rabbika al-ladhī khalaq.* Hingga: ‘*Allama al-insāna mā lam ya lam.*)) Nabi berkata: Maka aku membacanya. Sesudah itu ia pun pergi. Sesudah dia pergi aku pun bangun dari tidurku, dan seolah-olah telah termeterai di jiwaku suatu tulisan (kitab). Nabi berkata seterusnya: Aku, ialah hamba Allah yang sangat benci kepada syair. Tiada orang dari

hamba-hamba Allah yang sangat aku benci selain dari penyair, atau orang gila. Aku tak berkuasa melihat kedua orang itu. Nabi berkata lagi: Bahawasanya jalan yang amat baik bagi menghindarkan tuduhan orang Quraisy, ialah: aku pergi ke sesuatu kemuncak bukit lalu aku campakkan diriku ke bawah, supaya habis riwayat hidupku dan terlepaslah aku dari tuduhan penyair, atau gila. Nabi berkata lagi: maka aku pun keluar dari rumah bagi menjalankan maksud itu. Tiba-tiba setelah aku berada di tengah-tengah bukit, aku mendengar suatu suara dari langit yang berkata: ((Wahai Muḥammad, engkau Rasulullah dan saya ini Jibril. Nabi berkata lagi: Mendengarkan itu aku pun mengangkat kepala ke langit (ke atas), tiba-tiba terlihatlah olehku Jibril dalam rupa seorang lelaki yang bersaf (?) kakinya di ufuk langit, berseru: (Ya, Muḥammad, engkau pesuruh Allah, dan saya Jibril.)) Nabi berkata lagi: maka aku pun berdiri memandang kepadanya dan yang demikian itu terhapuslah maksudku (hendak membuang diri dari kemuncak bukit) tadi. Aku pada masa itu tidak mara dan undur, tetapi berdiri tegak. Dan lalu aku palingkan mukaku ke arah lain. Akan tetapi ke mana sahaja aku palingkan muka ku, namun rupa Jibril itu terlihat juga. Maka teruslah aku berdiri tegak di tempat itu, sehingga datang orang-orang suruhan Khadījah mencariku. Orang suruhan itu kemudian balik kepada Khadījah sedang aku terus juga di tempat itu. Lama kemudian baharulah aku balik, sesudah Jibril pergi (tidak kelihatan lagi). (Lihat al-Sīrah al-Nabawiyah 1:115).

Ketiga: Hadis Bukhārī dari ‘Ā’ishah (r.d), ujarinya: ((Bahawasanya al-Ḥarīth ibn Hishām bertanya kepada

Nabi (SAW), ujarnya: ((Bagaimana datangnya wahyu kepada engkau, ya Rasulullah? Maka Nabi menerangkan: kadang-kadang wahyu itu datang kepadaku seperti gerincingnya genta. Itulah wahyu yang amat berat aku menerimanya. Maka dia membelahkan badanku dan aku memahamkan betul-betul apa yang dikatakan. Dan kadang-kadang malaikat itu merupakan dirinya sebagai orang lelaki, lalu ia perkatakan kepadaku dan aku pun faham yang diperkatakan itu.))

Kata ‘Ā’ishah (r.đ): ((Aku sungguh pernah melihat turun wahyu kepada Nabi (SAW) pada suatu hari yang sangat sejuk udaranya. Aku lihat bercucuran peluh Nabi pada saat itu.))

Dan menurut pemeriksaan ahli sejarah, malaikat datang membawa wahyu dengan menyerupakan dirinya sebagai manusia, terjadi di Madinah, sesudah hijrah. Malaikat datang dalam rupa seorang yang bernama Dahīh. Dahīh itu masuk Islam sesudah peperangan Badar.

Keempat: Hadis Bukhārī dari ‘Ā’ishah juga, ujarnya: Rasulullah (SAW) bersabda: Wahai ‘Ā’ishah, ini Jibril datang memberi salam kepadamu. Maka aku pun berkata: *Wa ‘alaihi kumussalam wa rahmatullāh*. ‘Ā’ishah berkata lagi: Nabi melihat apa yang kita tak dapat lihatnya.))

Kelima: Hadis Aḥmad dalam Musnad-nya dari ‘Abdullāh ibn ‘Umar (r.đ), ujarnya: ((Saya bertanya kepada Nabi (SAW): Adakah tuan merasai kedatangan wahyu? Nabi menjawab: Kadang-kadang aku mendengar suara gerincing genta yang mendering-dering. Sesudah itu aku pun terdiam mendengar itu. Tiap-tiap kali wahyu datang sedemikian, aku merasai bahawa nyawaku akan tercabut. (al-Sīrah al-Nabawiyah 1:116).

Keenam: Hadis Bukhārī dari Ṣafwān ibn Ya‘lā ibn Umayyah, ujarnya: ((Ya‘lā berkata, aku ingin hendak

melihat Rasulullah (SAW) ketika turun wahyu kepadanya.

Ya‘lā berkata: Sementara Nabi berada di Ja‘rānihi berteduh di bawah sepotong kain berserta beberapa sahabat, tiba-tiba datanglah seorang Badwi berbaju jubah (jubah) yang berlumur dengan bau-bauan, lalu bertanya: Ya Rasulullah, bagaimana pendapat tuan mengenai seorang yang berihram hendak mengerjakan umrah dengan memakai jubah yang berlumuran dengan bau-bauan? Maka ‘Umar memberi isyarat kepada Ya‘lā, mengajak masuk ke tempat Nabi berteduh. Ya‘lā pun masuk, lalu melihat Nabi telah merah mukanya dan terus tertidur serta mengeluarkan suara (berdengkur). Sejurus kemudian, Nabi pun sadar lalu berkata: Mana orang yang baharu bertanya tentang Umrah. Sesudah orang itu dicari dan datang, Nabi berkata: Adapun bau-bauan yang ada padamu hendaklah kamu membasuhnya tiga kali. Sedang jubah itu hendaklah kamu tanggalkan dari badanmu. Sesudah itu berbuatlah apa yang kamu buat untuk haji.

Orientalis-orientalis telah menggunakan riwayat ini untuk menuduh Nabi (SAW) dihindangi oleh penyakit pengos (ketora). Pada hal nyata dari memperhatikan riwayat-riwayat itu, bahawa Nabi sesudah mengalami demikian itu, lalu memanggil penulis untuk menulis wahyu yang baharu diterima, atau menjawab sesuatu soal yang ditanya kepadanya. Demikianlah dengan ringkas kami terangkan cara perhubungan-perhubungan Nabi dengan wahyu. (Demikian huraian Tuan Mohammad Hasbi Ash-Shiddieqy).

Didiklah anak-anak saudara, lelaki dan perempuan, dari umurnya 7 tahun supaya sembahyang dan puasa. Sebaik-baik panduan mengajarnya sembahyang ialah dengan buku “Mari Sembahyang” buat lelaki dan juga buat perempuan. Senaskhah \$1.20 pos 10 sen – boleh didapati di mana-mana.

Sambungan dari muka 13.

orang-orang yang beriman).

Pengaruh Takbir

Kembali kepada falsafah bacaan takbir. Sepanjang yang tersebut di dalam hadis, bahawa Rasulullah (SAW) memberi pertunjuk kepada sekalian umatnya tentang membaca ((takbir)) itu, iaitu bukan hanya pada Hari Raya, dalam masa mereka sedang raya dan gembira sahaja, tetapi juga dalam masa menghadapi musuh. Baginda memberi pertunjuk supaya bala tentera Islam membanyakkan bacaan takbir dengan nyaring untuk mendengarkan kalimah ((Allāhu akbar)) itu kepada pihak tentera lawan. Pertunjuk Rasulullah (SAW) itu tentulah mengandungi hikmah yang besar, iaitu menambahkan ketakutan mereka kepada Allah, menguatkan hati mereka dan menebalkan semangat keberanian mereka menentang musuh.

Allāhu akbar, Allāhu akbar, Allāhu akbar, lā ilāha illa Allāh waḥdahu, lā sharīka lah, lahu al-mulk wa lahu al-ḥamdu wa huwa 'alā kulli shay'in qadīr. Āyibūn, tā'ibūn, 'ābidūn, sājidūn li rabbīnā ḥamidūn. Ṣadaqa Allāhu wa 'dahu, wa naṣara 'abdah. Wa a'azzu jundahwa hazama al-aḥzāba waḥdah, lā ilāha illa Allāhu wa Allāhu akbar, Allāhu akbar wa lillāhi al-ḥamdu!

((Allah yang Maha Besar, Allah yang Maha Besar, Allah yang Maha Besar. Tidak ada Tuhan yang sebenarnya, melainkan Allah jua, tidak ada sekutu bagi-Nya, bagi-Nya semua pekerjaan dan bagi-Nya pula segala puji, dan Dialah yang berkuasa atas segala sesuatu. Kita sama kembali, kita tentera-Nya dan mengalahkan segala tentera musuh dengan sama bertaubat, kita sama beribadat, kita sama bersujud, kepada Tuhan kita sama memuji; Dia yang benar janji-Nya, yang menolong hamba-Nya, yang memberi kemenangan kepada sendirinya.))

Umat Islam dewasa ini hendaklah sedar, bahawa dalam zaman permulaan Islam, bacaan ((Allāhu akbar)) itu sangat besar pengaruhnya dalam kalangan umat manusia, terutama di dalam dada tiap-tiap orang yang membacanya. Yakni dalam zaman itu ucapan dan bacaan takbir yang tersebut dapat menimbulkan perubahan-perubahan yang cepat serta luar biasa di tengah-tengah masyarakat mereka, dan dapat membawa berbagai-bagai peristiwa yang sangat menakjubkan orang ramai.

Riwayat dunia telah menyaksikan, bahawa perubahan-perubahan yang terjadi dalam lingkungan masyarakat bangsa Arab pada zaman itu, adalah sesudah mereka mendapat pimpinan dari junjungan kita Nabi Muhammad (SAW) yang pada tiap-tiap hari mengucapkan kalimah takbir yang berhikmah itu.

Demikianlah sendi perubahan bangsa Arab dengan kalimah ((Allāhu akbar)), terlepaslah mereka itu daripada keadaan yang buruk dan mundur, kepada keadaan yang baik dan maju serta berjiwa baharu. Perubahan yang besar itu telah dilakukan oleh junjungan hanya dalam masa dua puluh tiga tahun sahaja.

Mengapa Sedemikian Pengaruhnya

Orang tentu bertanya: Mengapa kalimah takbir sedemikian besar pengaruhnya dalam kalangan masyarakat umat Islam pada masa itu?

Demikianlah salah satu bacaan ((takbir)) yang dibaca oleh Rasulullah (SAW) dan sahabat-sahabatnya ketika menghadapi bala tentera musuh, dan dalam masa beroleh kemenangan yang gilang-gemilang, sebagaimana hingga sekarang ini masih tersebut dalam kitab-kitab *tawārīkh*.

Umat Islam pada zaman itu ketika itu tatkala mengucapkan kalimah takbir bukan sahaja di bibir, tetapi sampai ke hati sanubarinya, sampai meresap ke urat

Dalam kamus al-Marbawī, karangan

Muhammad Idrīs al-Marbawī, yang telah lama dibaca dan disimpan oleh umum ahli-ahli agama di seluruh Tanah Melayu ini pada muka 347 baris yang ke sepuluh dari atas ada berkata:

Ḍab j (jama'nya – p) Aḍubb:

binatang biawak lihat rupa gambarnya ini halal.

ḥ.ḥ (ḥ.ḥ ini maksudnya kitab

ḥayāt al-ḥayawān al-kubrā – karangan al-Syeikh

Kamāl al-Dīn al-Damīrī.

darahnya, dan sampai ke dalam jiwa masing-masing. Dengan demikian maka datanglah suatu pengaruh dalam jiwa mereka, bahawa segala sesuatu yang selain Allah adalah kecil belaka. Kecil erti kata yang sebenarnya. Tidak ada yang lebih besar selain daripada kebesaran Allah. Allah sendirilah yang Maha Besar.

Dengan keyakinan ini, hilanglah perasaan takut kepada sesama manusia, lenyaplah perasaan lebih rendah daripada orang lain, musnahlah khawatir dalam menghadapi musuh. Kerana yang ada itu semuanya makhluk belaka.

Dan sekarang.....periksalah diri kita: sudahkah kita bertauhid kepada Allah?

Adakah kita mengucap takbir tiap-tiap hari dan pada tiap-tiap hari sebagaimana yang telah dilakukan oleh umat Islam zaman dahulu?

Kalau belum, sayugialah dipelajari sehingga berhasil sebagaimana yang telah dibuktikan oleh umat Islam kita pada zamannya yang keemasan!

Allāhu akbar, Allāhu akbar, Allāhu akbar, lā ilāha illa Allāhu wa Allāhu akbar, Allāhu akbar wa lillāhi al-ḥamdu.

(Khulāṣah buah qalam Tuan Haji Munawwar Khalil).

Pada muka 135 – 137 jilid yang kedua kitab Hayat “Al-Ḥayawān al-Kubrā” cetak Maṭba‘ah al-Sa‘ādah Mesir tahun 1330 Hijrīyyah – setelah mengenalkan jenis-jenis rupa dan keadaan hidup ḍab (biawak) itu menyatakan hukumnya begini:

Hukum memakan ḍab: ḍab itu diharamkan memakannya dengan ijma‘. Di dalam kitab “al-Wasīṭ” diterangkan bahawa segala binatang yang merayap (*ḥasharāt*) tidak boleh dimakan melainkan “ḍab”. Di dalam kitab “Mushkil”nya, ibn al-Ṣalāḥ berkata bahawa keterangan (kitab al-Wasīṭ) itu tidak memuaskan, kerana di antara binatang-binatang yang merayap itu “Yarbu” (seakan-akan tupai) dan “landak” (pada hal keduanya halal). Kedua-dua binatang telah disebut oleh al-Zuhrī dan lain-lainnya.

Bukhāri dan Muslim meriwayatkan daripada ibn Abbās (r.ḍ) bahawa Rasulullah (SAW) telah ditanya orang tentang binatang ḍab itu: “Haramkah dia atau halal?” Nabi menjawab: “Tidak, tetapi dia (binatang ḍab itu) tiada didapati di bumi kaumku, dan kerana itu aku merasa jijik kepadanya”.

Dalam “Sunan” Abū Dāud, bahawa Rasulullah (SAW) telah berludah (meludah) apabila terpancang dua ekor ḍab yang telah sedia dipanggang. Khālid pun berkata: “Ya, Rasulullah, nampaknya tuan mensifatkan ḍab itu kotor.” (Kemudian Abū Dāud menyebut akan akhir hadis itu yang tersebut di atas). Dalam suatu hadis (riwayat Muslim), bahawa Nabi (SAW) menyatakan: “Aku tidak memakannya – ḍab itu – dan aku pula tidak mengharamkannya”. Dalam suatu riwayat yang lain pula bahawa baginda bersabda (maksudnya): “Makanlah kamu akan dia (ḍab itu) kerana dia halal, tetapi bukanlah daripada makananku”.